

Elak ambil sikap berkonfrontasi: Dr M

Oleh Kadir Dikoh dan Rohaniza Idris

BH 27/10/03

KUALA LUMPUR: Semua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) diingatkan supaya tidak lari daripada prinsip perjuangan gabungan itu yang saling membantu, bukan bermusuhan sesama sendiri jika mahu BN terus kekal berkuasa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjanji akan terus membantu kempen untuk BN pada pilihan raya umum akan datang berkata, sebarang perselisihan fahaman hendaklah diselesaikan secara tertutup melalui rundingan sesama sendiri dan mengelak mengambil sikap berkonfrontasi.

Perdana Menteri berkata, penyelesaian sesama 'keluarga BN' sajalah akan dapat menyelamatkan perpaduan dan sebarang teguran demi kebaikan bersama hendaklah diterima dengan hati terbuka.

"Dengan itu, kita dapat menyelamatkan perpaduan kita. Kalau kita buat teguran kepada parti lain kerana mereka mungkin tidak menjalankan tugas seperti yang dikehendaki, tentulah mereka akan membalas dengan cara yang sama dan ini akan menyebabkan ketegangan sesama kita.

"Demikian juga dengan kerajaan. Saya bekerja dalam kerajaan selama 22 tahun (sebagai Perdana Menteri). Saya bersyukur kerana kerjasama yang baik diberi kepada saya oleh pegawai dan kakitangan kerajaan.

“Tetapi tentulah ada sebilangan yang tidak menjalankan kerja mereka dengan baik, mungkin terbabit dengan rasuah dan sebagainya. Tetapi hanya kerana sebilangan yang kecil ini terbabit, janganlah kita ‘terentak’ hati dengan mereka yang betul-betul bekerjasama dengan kita,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Hadir sama timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, kerjasama amat penting bukan saja di kalangan parti komponen, malah dengan jentera kerajaan.

Merujuk kepada permintaan Kayveas dalam ucapan dasarnya yang meminta agar parti

berusia 50 tahun itu turut diagihkan kerusi untuk ditandingi pada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, ia bukan lagi menjadi tanggungjawabnya kerana bersara Jumaat ini.

“Sama ada PPP akan dapat kerusi atau tidak, tidak lagi menjadi tanggungjawab saya. Oleh itu layanlah dengan baik pengganti saya (Abdullah). Saya yakin pengganti saya akan memberi pertimbangan yang adil dan saksama kepada PPP,” katanya.

Beliau berharap PPP dapat belajar budaya kerja BN iaitu saling membantu kerana BN adalah parti gabungan sebelum dan selepas pilihan raya, bukan sesuatu gabungan yang hanya bekerjasama selepas pilihan raya bagi

mbolehkan jumlah kerusi mencukupi untuk memerintah.

Katanya, semua parti komponen juga hendaklah membantu calon parti BN lain ketika pilihan raya kerana cara itu akan menjamin kemenangan.

“Saya percaya hanya BN yang boleh membawa kebaikan dan kemajuan kepada negara kita. BN adalah gabungan parti politik yang mempunyai asas berbeza dan kemajuan gabungan ini bergantung kepada kemajuan parti-parti komponen.

“Sebab itu saya berasa amat gembira melihat pemulihan PPP dan saya yakin dia akan beri sumbangan yang baik kepada kejayaan BN,” katanya.

Dr Mahathir berkata, BN dapat bekerjasama kerana ia tidak tamak dan setiap parti komponen sedia berkorban untuk kepentingan keseluruhan gabungan itu.

“Kita berkongsi kuasa secara saksama supaya setiap orang dapat bahagian yang adil dan kesejahteraan negara. This is our way (Inilah cara kita).

“Sebab itu walaupun kita mempunyai 14 parti dalam BN, ia tidak menjadi masalah. Kita boleh bekerjasama sesama kita, berunding dan kadang-kadang ada yang tak puas hati, ada yang puas hati, tetapi kita sanggup menyelesaikan segala rintihan kita melalui rundingan,” katanya.